

## LONCAT KE TAHUN BARU CINA YANG MENYEGARKAN DENGAN JULIE'S LOVE LETTERS LEMON EDISI TERHAD

Raikanlah Tahun Baru Cina Tahun Arnab dengan perisa terhad ini dan mulakan perayaan anda di Julie's Prosperity Carnival di Sunway Pyramid yang menampilkan arca replika gergasi tab Love Letters dari sekarang hingga 8 Januari!



**Kuala Lumpur, 5 Januari 2023** – Sedang memikirkan snek lazat untuk dihidangkan kepada tetamu atau buah tangan untuk Tahun Baru Cina? Cubalah idea ini. Apa kata hidangkan snek popular *Julie's Love Letters* dengan perisa baharunya - Lemon. Perisa edisi terhad ini dilancarkan khas untuk musim perayaan Tahun Baru Cina ini. *Love Letters* merupakan snek pilihan utama setiap musim perayaan dan ia bukan sahaja sedap, tetapi perisanya menyegarkan dan dibungkus dengan mudah di dalam tab. Mudahkanlah persiapan Tahun Baru Cina anda dengan memilih *Julie's Love Letters Lemon* sebagai snek atau buah tangan untuk orang yang tersayang - tiada pembalut atau balang biskut diperlukan!

Tzy Horng Sai, Pengarah *Julie's Biscuits* berkata, "Intipati sambutan Tahun Baru Cina adalah untuk meraikan permulaan baru bersama orang tersayang. Menyambut tahun baru yang penuh dengan harapan adalah amat penting terutamanya tahun ini, di mana orang ramai menantikan permulaan yang baru selepas pandemik. Menerusi *Love Letters Lemon* ini, kami berharap untuk memperkenalkan sesuatu yang menyegarkan untuk Tahun Baru Cina, yang

melambangkan kehidupan yang lebih segar, optimistik dan penuh semangat pada tahun 2023. Ambillah peluang pada musim perayaan ini untuk menambah kemesraan dan menjalin ikatan bersama-sama orang tersayang melalui perkongisan and penikmatan snek perayaan yang enak seperti *Julie's Love Letters*.”

Untuk membina momentum ke arah sambutan Tahun Baru Cina secara besar-besaran pasca pandemik, Julie's akan menganjurkan sebuah karnival *Julie's Prosperity Carnival* selama 4 hari. Karnival ini akan berlangsung di Blue Concourse, Sunway Pyramid mulai sekarang hingga 8 Januari 2023. Para tetamu boleh meningkatkan kemakmuran mereka pada Tahun Baru Cina ini dengan mencuba sampel *Julie's Love Letters* yang akan diberikan percuma oleh Dewa Kemakmuran “*God of Prosperity*”.

*Julie's Prosperity Carnival* menjanjikan anda hari yang menarik untuk seisi keluarga dengan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan. Para tetamu boleh mulakan sambutan perayaan mereka dan meluangkan masa berkualiti bersama orang tersayang dengan menyertai aktiviti seperti sesi mewarna untuk kanak-kanak dan menerima beg cenderahati sebagai hadiah penyertaan. Pengunjung karnival juga boleh mencuba nasib mereka bermain dengan mesin mainan cakar untuk memenangi mainan “soft toy” tab *Love Letters* yang dihasilkan secara eksklusif oleh Julie.

Bagi mereka yang ingin menikmati semangat perayaan, mereka boleh mengambil kesempatan dan mengambil gambar Tahun Baru Cina awal mereka dengan pelbagai latar belakang foto menarik Julie's. Kesemua perisa *Love Letters* akan tersedia untuk pembelian di karnival tersebut. Tetamu yang membeli tiga tab *Love Letters* dalam sebarang perisa di karnival ini juga akan menerima satu set mangkuk Tahun Baru Cina Julie's edisi terhad.

*Julie's Love Letters* ini juga dihasilkan dalam tiga perisa klasik seperti coklat, strawberi dan vanila. *Love Letters Lemon* edisi terhad ini boleh didapati menerusi pembelian dalam talian dari kedai rasmi Julie's di [Shopee](#) dan [Lazada](#). Untuk membuat pembelian di kedai, kunjungilah kedai serbaneka atau pasar raya besar berdekatan anda. Sempena musim perayaan ini, pelanggan juga boleh menerima satu set paket angpau percuma dengan setiap pembelian satu tab *Love Letters Lemon*.

Untuk mengikuti perkembangan terkini tentang promosi, peraduan dan aktiviti Julie's, lawati [laman web](#) kami atau ikuti kami di Facebook di [www.facebook.com/JuliesBiscuits](http://www.facebook.com/JuliesBiscuits) dan Instagram di [www.instagram.com/juliesbiscuits](http://www.instagram.com/juliesbiscuits).

**Kapsyen Foto 1 (gambar di muka surat 1):** Arca replika gergasi tab *Love Letters* di *Julie's Prosperity Carnival* di Sunway Pyramid.

**Kapsyen Foto 2:** Salah satu daripada beberapa dinding foto untuk tetamu mengambil gambar Tahun Baru Cina awal mereka.



**Kapsyen Foto 3:** Mesin mainan cakar yang menarik dengan “soft toy” tab *Love Letters* yang dihasilkan secara eksklusif untuk dimenangi.



**Kapsyen Foto 4:** Kanak-kanak menyertai aktiviti mewarna di *Julie's Prosperity Carnival*.



### **Mengenai Julie's Biscuits**

Julie's adalah jenama biskut pemenang anugerah yang dijual antarabangsa di 80 negara. Ditubuhkan di Melaka, Malaysia dan dipasarkan sebagai Julie's sejak 1985, jenama ini telah menjalani kempen penjenamaan semula tonggakunya pada tahun 2020. Julie, ikon yang berambut perang asli, telah diperbaharui untuk menarik minat pengguna masa kini. Julie kini menggayakan rambut 'bob' yang lebih pendek, cekak rambut berwarna merah dan biru dan melihat ke hadapan penuh dengan keyakinan, mencipta semula tarikannya dengan pengguna generasi baru. Untuk maklumat lanjut mengenai Julie's Biscuits, layari <https://www.julies.com.my/>

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Wang Shu Fen, Bahagian Penjenamaan & Pemasaran

Emel: shufen@julies.com.my | Tel.bimbit: +6016-9654804